KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **25 OKTOBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 15

# Pihak naikkan harga rempah 250 peratus diberi notis



Armizan (tengah) meninjau harga barang selepas sidang media Pengumuman Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2024, di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

## KPDN pantau aduan menjelang Deepavali

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sudah mengeluarkan notis kepada pihak didakwa menaikkan harga barangan keperluan, terutama rempah ratus hingga 250 peratus menjelang sambutan Deepavali.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata hasil semakan mendapati berlaku pergerakan harga tetapi bukan untuk semua barang seperti dinyatakan Persatuan Hindu Pulau Pinang (PHA).

Namun beliau berkata, pihaknya sudah mengeluarkan beberapa notis kepada pihak berkenaan untuk mereka menjawab apa asas kenaikan harga sebelum mengambil sebarang tindakan.

"Kami menerima laporan itu melalui media. Walaupun tidak diadukan secara rasmi di platform aduan KPDN, kami berterima kasih kerana inilah saya fikir antara maklum balas yang diharapkan daripada masyarakat.

"Kami terus membuat pemantauan dan mengeluarkan beberapa notis kepada pihak berkenaan untuk mereka menjawab.

"Kami sedang teliti dan jika ada elemen pencatutan, maka akan mengambil tindakan," katanya pada sidang media Pengumuman Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2024, semalam.

### Kerajaan tak lepas tangan

Armizan berkata, berkenaan isu dibangkitkan PHA, pihaknya mendapati perbandingan dibuat persatuan itu bagi tempoh Oktober 2023 dengan September 2024.

Beliau berkata, wujud trend pergerakan harga bukan hanya pada musim perayaan, tetapi juga berdasarkan faktor penawaran dan permintaan.

"Bagaimanapun, kerajaan tidak akan lepas tangan sebagaimana yang saya sebutkan, pergerakan harga itu perkara yang kita perlu hadapi.

Rabu lalu, Presiden PHA, Datuk P Murugiah memaklumkan peningkatan harga barangan keperluan, terutama rempah ratus hingga 250 peratus menjelang sambutan Deepavali.

Sementara itu, KPDN semalam mengumumkan SHMMP di seluruh negara sempena sambutan Deepavali 2024 berkuat kuasa 28 Oktober hingga 3 November ini membabitkan lapan jenis barang.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: JUMAAT

TARIKH: 25/10/2024

M/SURAT: 17

# Penjual peranti rokok elektronik kena dapat kebenaran SIRIM

**Kuala Lumpur:** Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengingatkan semua penjual peranti rokok elektronik atau vape supaya mendapatkan kebenaran atau perakuan daripada Institut Piawaian dan Penyelidikan (SIRIM).

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata KPDN akan bekerjasama dengan SIRIM bagi memastikan pengeluaran peranti rokok elektronik mendapat perakuan dan penandaan MS SIRIM yang menepati standard daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd.

"Kita menerima laporan dan kebimbangan daripada pihak tertentu. Apa yang ingin saya nyatakan di pihak KPDN adalah bidang kuasa kita berkaitan dengan Akta Perihal Dagangan 2011.

"Ada satu perintah khusus berkaitan peruntukan dan penandaan peranti rokok elektronik yang dikeluarkan pada 2022 dan untuk menguatkuasakan perintah berkenaan, kita akan kerjasama dengan SIRIM QAS International Sdn Bhd," katanya pada sidang media Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2024, di sini semalam.

Media sebelum ini melaporkan mengenai penjualan rokok elektrik yang menyerupai pen penanda (marker pen) atau pelekat serba guna yang menimbulkan kebimbangan kerana boleh mengelirukan penjaga atau guru.

Berkuat kuasa 3 Ogos 2022, pengilang dan pengimport peranti rokok elektronik perlu membuat permohonan perakuan dan penandaan MS SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd.

Penandaan MS SIRIM hendaklah diletakkan pada peranti rokok elektronik, alat gantinya atau pada bekas peranti itu dibekalkan yang mudah dilihat oleh pengguna, bagi menunjukkan peranti tersebut telah mematuhi standard dan selamat digunakan.

Sementara itu, Armizan turut mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan barangan yang dibuat daripada gula putih bertapis, susulan langkah kerajaan menaikkan kadar duti eksais bagi minuman bergula secara berfasa sebanyak 40 sen seliter mulai 1 Januari tahun depan.

"Saya rasa kita boleh hidup tanpa ambil gula yang banyak dan itu adalah apa yang diumumkan oleh kerajaan. Jadi, saya harap jangan ada pihak ambil kesempatan untuk menaikkan harga benda-benda yang tidak berkait dasar tersebut," katanya. BERNAMA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian
HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 18

# Rahsia lelaki kerap isi petrol terbongkar



*Hasbullah (kiri) menunjukkan ruang tangki tambahan yang telah diubah suai pada kereta ditahan Pegawai Penguatkuasa KPDN di sebuah stesen minyak.*
(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

**Kangar:** Kekerapan seorang lelaki singgah di beberapa stesen minyak untuk mengisi petrol menyebabkannya ditahan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sebelum hasil pemeriksaan menemui 300 liter petrol subsidi dalam tangki tambahan hasil ubah suai kereta suspek.

Pengarah KPDN Perlis, Hasbullah Abd Rashid, berkata serbuan dilakukan jam 8 malam kelmarin selepas risikan dua minggu terhadap kereta dipandu suspek.

Beliau berkata, pihaknya mendapat maklumat daripada pengusaha stesen minyak sendiri berhubung keberadaan dan kekerapan suspek mengisi minyak.

"Lelaki itu menyasarkan purata lima hingga enam stesen minyak sehari untuk mengisi petrol RON95 di sekitar Kangar dan Beseri.

"Hasil pemeriksaan, kita menemui tangki tambahan yang diubah suai di but kereta dan tempat duduk penumpang belakang. Ia memberi risiko berlaku letupan dan kebakaran kepada mereka yang duduk di bahagian itu.

"Sejumlah 300 liter petrol RON95 ditemukan dalam tangki tambahan yang mempunyai hos diubah suai untuk menyalurkan petrol berkenaan," katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Hasbullah berkata, siasatan awal pihaknya mendapati secara purata suspek akan mengisi petrol RON95 di lima hingga enam stesen minyak di sekitar Perlis.

"Suspek dikesan mengisi petrol berulang kali, dipercayai untuk dijual ke negara jiran.

"Nilai rampasan termasuk kereta dianggar RM8,930 dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Sabit kesalahan, dia boleh didenda tidak lebih RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya bagi individu dan denda tidak lebih RM3 juta atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan berulang," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 9

# Pantau harga rempah naik menjelang Deepavali

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerima laporan peningkatan harga rempah ratus menjelang Deepavali seperti dakwaan Persatuan Hindu Pulau Pinang (PHA) baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, bagaimanapun hasil semakan pihak kementerian mendapati ia tidak melibatkan semua barangan yang dinyatakan oleh PHA.

"Kita telah semak dan memang ada berlakunya perubahan harga barangan seperti yang dinyatakan. Kita juga sudah buat perbandingan harga antara Oktober 2023 dan September lalu.

"Kenaikan harga barang biasanya berlaku bukan sahaja pada musim perayaan. Harga turun dan naik berdasarkan faktor penawaran dan permintaan," katanya dalam sidang akhbar pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2024 di Sam's Groceria, NU Sentral, di sini semalam.

Sebelum ini, PHA memaklumkan berlaku kenaikan harga barangan keperluan terutamanya rempah ratus hingga 250 peratus menjelang sambutan Deepavali minggu hadapan.

Presidennya, P Murugiah dilaporkan berkata, pihaknya telah melakukan tinjauan di beberapa kedai runcit susulan aduan diterima dan mendapati terdapat peningkatan harga agak membimbangkan berbanding tahun lepas.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT

TARIKH: 25/10/2024

M/SURAT: 1

## Satu daripada lima kenderaan yang diperiksa ada sejarah kemalangan

# TEMBELANG KERETA TERPAKAI



Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**PETALING JAYA** – Percaya atau tidak bahawa satu daripada lima kenderaan terpakai sama ada keluaran import mahupun tempatan sebenarnya mempunyai sejarah kemalangan ataupun kerosakan yang serius.

Bagaimanapun, segala 'kekurangan' itu didakwa cuba disembunyikan oleh premis menjual kereta terpakai dengan memberikan pelbagai helah dan tawaran semata-mata untuk memperdayakan pembeli.

Perkara itu antara yang didedahkan oleh syarikat semakan kondisi kenderaan, SCRUT hasil pemantauan di laman web *SCRUT. MY* ataupun melalui cara pemeriksaan fizikal di premis milik mereka.

» BERSAMBUNG DI MUKA 2

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 2

DARI MUKA 1

# Tembelang kereta terpakai

Menurut Pengasas SCRUT, Ahmad Aliff A S Ahmad Shariffuddin, antara taktik yang digunakan syarikat penjual kenderaan terpakai termasuklah memberikan waranti sehingga lebih setahun kepada pembeli yang berminat.

Namun katanya, jaminan itu hanyalah untuk mengaburi mata pembeli kerana apabila kereta sudah terjual, ada sesetengah syarikat tidak mahu mengambil tanggungjawab.

"Mereka (syarikat penjual) akan memberikan waranti antara enam bulan dan ada yang lebih setahun. Namun, jika ada kerosakan dan pelanggan ingin 'claim' semula waranti mereka, penjual akan cuba mengelak.

"Ada juga pelanggan pernah mengadu mengenai tindakan syarikat yang terus lepas tangan selepas selesai urusan jual beli sehingga mereka terpaksa membawa kse tersebut ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)," katanya kepada *Kosmo!*.

Selain pemberian waranti, taktik-taktik licik lain yang digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab ini adalah dengan mengecat semula kenderaan tersebut agar kelihatan sempurna dan seperti baharu.

"Biasanya ramai pelanggan akan tertarik dengan kereta yang baru dicat kerana nampak cantik seolah-olah pemilik sebelum ini jarang menggunakan kereta tersebut.

"Sedangkan apabila pemeriksaan lanjut dibuat, kami mendapati kereta terbabit pernah terlibat dalam kemalangan dan ada yang hampir *total lost*," ujarnya.

Tambah beliau, ada juga syarikat kenderaan terpakai yang cuba mengubah meter perbatuan sesebuah kereta untuk menampaknya kereta tersebut jarang pakai dan *milage* masih rendah.

**Taktik penipuan kedai kenderaan terpakai**

- Cat semula kenderaan
- Ubah jumlah perbatuan sebenar kenderaan
- Tawarkan jaminan tempoh waranti yang panjang
- Sembunyikan maklumat kenderaan pernah terlibat kemalangan
- Harga jualan lebih rendah

Mengulas mengenai situasi itu, Ahmad Aliff berkata, sejak SCRUT memulakan operasi pada tahun 2019, lebih 100,000 kenderaan pelanggan telah disemak oleh SCRUT.

Katanya, untuk tahun ini sahaja, lebih 3,000 kenderaan bermasalah berjaya dikesan oleh pembeli yang datang mendapatkan perkhidmatan di syarikat tersebut.

"Kebanyakan kenderaan yang terlibat (mempunyai sejarah kemalangan) adalah terdiri daripada kenderaan *recond* (kereta terpakai luar negara) dan juga kereta terpakai tempatan.

"Kita boleh 'trace' setiap kereta kerana kita mempunyai data terutamanya kereta dari Jepun dan United Kingdom (UK). Bagi kereta *recond* Jepun, data kita peroleh daripada pusat kenderaan lelong dan 'puspakom' di negara terbabit.

"Untuk UK, data akan diperoleh menerusi pihak berkuasa di negara terbabit.

"Di Malaysia, data diperoleh daripada penjaga data syarikat-syarikat insurans di Malaysia, data-data yang pihak SCRUT sendiri kumpul dan data-data rasmi terbuka," jelasnya.



**PIHAK SCRUT turut menyediakan kemudahan pemeriksaan fizikal ke atas kenderaan terpakai bagi mengesan sebarang bentuk kerosakan atau sejarah kemalangan.** – GAMBAR HIASAN

Beliau menambah, terdapat empat tahap kemalangan yang akan disediakan menerusi laporan itu iaitu kesan kemalangan rendah, sederhana dan tinggi termasuk status kenderaan pernah diisytihar sebagai *total lost* atau tidak untuk kenderaan terpakai di Malaysia.

Kata Ahmad Aliff lagi, pihaknya turut membantu pelanggan SCRUT yang telah diperdaya sehingga mendapatkan keadilan dan tuntutan di TTPM.

Justeru katanya, orang ramai yang ingin membeli kereta terpakai digalakkan untuk membuat semakan di laman *SCRUT.MY* dan pemeriksaan fizikal di SCRUT Auto bagi mengelak daripada ditipu.

"Di SCRUT, kami menyediakan beberapa perkhidmatan bermula dari harga serendah RM60 untuk laporan sehinggalah RM350 untuk pemeriksaan fizikal," katanya.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 2

# Ingatkan kereta jarang guna, rupanya banyak 'penyakit'



ORANG ramai dinasihatkan untuk membuat pemeriksaan ke atas kenderaan terpakai yang ingin dibeli. – GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA** – Seorang kontraktor terpaksa membelanjakan lebih RM20,000 selepas kereta jenis Mercedes Benz E300 Hibrid yang dibelinya dari sebuah syarikat menjual kenderaan terpakai didakwa mengalami banyak kerosakan.

Mangsa yang mahu dikenali sebagai Daniel, 40, berkata, dia membeli kereta tersebut pada Mac lalu pada harga RM68,000 dari sebuah premis di Lembah Klang.

Katanya, dia tertarik untuk membeli kereta tersebut disebabkan tawaran waranti selama setahun yang diberikan selain meter perbatuan kenderaan itu yang masih rendah dan catnya juga dalam keadaan elok.

"Bagaimanapun, selepas beberapa minggu saya gunakan kereta itu, timbul pelbagai masalah dan paling ketara adalah pada sistem pendingin hawa dan beberapa sistem elektronik lain.

"Atas saranan kawan-kawan, mereka menyuruh saya membuat pemeriksaan di SCRUT Auto. Hasilnya kereta tersebut rupanya mempunyai kesan kemalangan sebelum ini dan meter *milage* juga telah dipusing.

"Sepatutnya *milage* kereta tersebut sudah hampir 200,000, tetapi masa beli tertera di papan pemuka itu hanya 78,000. Ingatkan kereta ini jarang guna, rupanya sudah 'barai' dan rosak sana sini," luahnya.

Lebih malang, dia juga terpaksa menghabiskan kira-kira RM15,000 untuk membaiki sistem pendingin hawa dan beberapa sistem elektronik berkaitan brek.

"Bateri hibrid juga telah hampir 'kong' dan perlu ditukar dalam masa terdekat. Itu pun akan memakan kos sekitar RM30,000 lagi," katanya.

Daniel berkata, dia cuba menghubungi penjual kereta tersebut untuk berbincang mengenai waranti yang kononnya mereka tawarkan sewaktu membeli kereta terbabit.

"Bagaimanapun penjual tersebut cuba mengelak dan memberi pelbagai alasan. Saya juga telah bawa kes ini ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) untuk menuntut hak saya," jelasnya.

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 18

# Ulang-alik ke stesen minyak 'curi' RON95

**KANGAR** – Taktik seorang lelaki tempatan berulang-alik di beberapa stesen minyak di sekitar daerah ini dan Beseri untuk 'mencuri' petrol RON95 terbongkar selepas dia ditahan di sebuah stesen minyak di Beseri, dekat sini kelmarin.

Penahanan itu dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kira-kira pukul 8 malam selepas mendapat maklumat awam serta hasil risikan selama dua minggu terhadap kereta yang dipandu suspek.

Pengarah KPDN negeri, Hasbullah Abd. Rashid berkata, pemeriksaan awal terhadap kereta itu menemui beberapa tangki tambahan yang telah diubah suai dan berisi petrol bersubsidi.

"Pemeriksaan lanjut terhadap kereta jenis Nissan Sentra yang dipandu suspek berusia 29 tahun itu mendapati terdapat kira-kira 300 liter petrol bernilai RM615 ditemukan.

"Suspek ditahan untuk siasatan lanjut dan kereta disita dengan jumlah keseluruhan rampasan bernilai RM8,930," katanya pada sidang akhbar di Pejabat KPDN negeri, di sini semalam.

Menurutnya, ketika ditahan, suspek sedang berhenti di stesen minyak kelima untuk mengisi petrol RON95 ke dalam tangki tambahan yang telah diubah suai.

"Kita percaya suspek mengisi minyak dengan jumlah yang kecil dan berulang-kali di beberapa stesen minyak berlainan bagi mengaburi penguat kuasa," ujarnya.

Tambahnya, KPDN juga sedang menyiasat kemungkinan bahan bakar tersebut akan diseludup ke negara jiran selain beberapa aspek lain berkaitan kes itu.



**HASBULLAH (tengah) menunjukkan paip dan tangki tambahan yang diubah suai pada sebuah kereta yang menyeleweng minyak bersubsidi di sebuah stesen minyak di Beseri dekat Kangar kelmarin.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 16

# Warga Thailand gagal seludup minyak masak peket 1kg

**GERIK** – Percubaan dua lelaki warga Thailand menyeludup ke negara tersebut 80 peket minyak masak 1 kilogram (kg) gagal apabila mereka ditahan pihak berkuasa di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Berapit, Pengkalan Hulu di sini kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, pada hari berkenaan, sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa KPDN Cawangan Gerik menerima satu serahan kes daripada Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 18 Pengkalan Hulu kira-kira pukul 10 pagi.

Menurut beliau, ia melibatkan individu yang disyaki cuba menyeleweng minyak masak peket 1kg untuk dibawa keluar ke Thailand melalui pintu keluar ICQS Bukit Berapit.



**MINYAK** masak peket 1kg yang ditemui dalam kenderaan dinaiki dua lelaki tersebut di ICQS Bukit Berapit, Pengkalan Hulu di Gerik kelmarin.

"Pasukan Penguat Kuasa KPDN Perak Cawangan Gerik telah berjaya menahan dua orang lelaki warga Thailand yang kedua-duanya berusia 47 tahun yang disyaki cuba membawa keluar barang kawalan minyak masak peket 1kg ke Thailand.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT

TARIKH: 25/10/2024

M/SURAT: 12

## FAKTA HARI INI

25 Oktober 2013

# Kerajaan perkenal GST, mansuh subsidi gula 34 sen sekilogram

**PERDANA** Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan beberapa langkah drastik yang tidak bersifat populis pada pembentangan Bajet 2014.

Najib yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan lebih banyak transformasi bagi mengukuhkan ekonomi negara untuk jangka masa panjang.

Antara langkah paling berani diumumkan adalah pemansuhan subsidi gula 34 sen sekilogram bagi membolehkan kerajaan memperoleh lebihan pendapatan untuk disalurkan kepada pembangunan negara.

Kerajaan juga akan memperkenalkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berkuat kuasa April 2015 sekali gus menghapuskan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) masing-masing sebanyak enam dan 10 peratus.

Bertemakan 'Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji', ia merupakan pembentangan bajet yang kelima oleh Najib sejak menerajui negara pada 2008.




**DAPATKAN** maklumat lanjut di Pusat Maklumat dan Arkib Media Mulia Sdn. Bhd. Sebarang urusan pertanyaan atau pembelian bahan-bahan arkib sila hubungi kami di nombor telefon: 03-7455 6428 atau e-mel ke: infocenter@mediamulia.com.my

Harian Metro
HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 18

# Pelaksanaan SHMMP Deepavali berkuat kuasa seminggu bermula 28 Oktober ini

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena sambutan perayaan Deepavali 2024 akan berkuat kuasa selama tujuh hari bermula 28 Oktober hingga 3 November ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pihaknya mengenal pasti lapan jenis barangan yang akan dikawal di bawah skim terbabit.

"Barangan yang terlibat di bawah skim SHMMP Deepavali 2024 adalah daging kambing biri-biri bertulang import, tomato, cili merah, kelapa biji (harga maksimum di peringkat borong sahaja), kelapa parut (harga maksimum di peringkat runcit sahaja), bawang merah kecil (India) termasuk bawang Ros, bawang merah besar import dan kacang dal (Australia).

"Senarai barangan, paras harga maksimum dan tempoh pelaksanaan ditentukan berdasarkan beberapa faktor seperti faktor permintaan serta penawaran, kos semasa, cuaca, kadar upah dan lain-lain.

"Selain itu, penentuan harga ini dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada rakan strategik KPDN iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi-agensi kerajaan dan pemain-pemain industri," katanya dalam sidang media pengumuman skim SHMMP Deepavali 2024, di sini, semalam.

> **"Senarai barangan, paras harga maksimum dan tempoh pelaksanaan ditentukan berdasarkan beberapa faktor seperti faktor permintaan serta penawaran, kos semasa, cuaca, kadar upah dan lain-lain."**
>
> **Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali**

Beliau berkata, SHMMP Deepavali 2024 akan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 yang membolehkan penentuan harga dibuat.

Menurutnya, orang ramai yang mahu mengakses maklumat harga maksimum yang sudah ditetapkan untuk SHMMP Deepavali 2024 di peringkat pemborong dan peruncit boleh melakukannya di laman web KPDN, www.kpdn.gov.my.

"Pegawai penguat kuasa KPDN di seluruh negara akan ditugaskan di lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan bagi menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan untuk melindungi pengguna daripada peniaga yang tidak beretika.

"Kementerian sentiasa menjalinkan kerjasama dengan KPKM bagi memastikan bekalan barangan yang dikawal adalah mencukupi sepanjang musim perayaan.

"Kerajaan berharap semua pihak dapat mematuhi harga yang telah ditetapkan dan menggunakan label merah jambu bagi barangan yang dikawal harganya," katanya.

Armizan berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim itu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 4

# Subsidi RON95: Saran ikut jenis kenderaan



Kerajaan disaran melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 mengikut jenis kenderaan berbanding pendapatan isi rumah atau individu. *- Gambar hiasan*

**BANGI** - Kerajaan disaran melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 mengikut jenis kenderaan berbanding pendapatan isi rumah atau individu.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia (Minda-UKM), Profesor Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali berkata, konsep itu seperti pengelasan kenderaan untuk bayaran tol di lebuh raya.



NOOR AZLAN

Menurutnya, dalam konteks subsidi petrol, pengkelasan dibuat mengikut kapasiti enjin kenderaan.

"Lumrah orang pendapatan rendah akan guna motosikal sebagai kenderaan harian sementara kebanyakan individu lebih kaya akan menggunakan kenderaan dengan kapasiti enjin lebih besar.

"Sekiranya orang kaya menggunakan Perodua Kancil, mereka layak mendapat subsidi disebabkan menggunakan minyak yang lebih sedikit.

"Sudah tentu dalam setiap pengelasan akan ada ketirisan, namun ia boleh dikurangkan," katanya pada sidang akhbar khas Belanjawan 2025 pada Khamis.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi Belanjawan 2025 pada Jumaat menyatakan penyasaran subsidi petrol RON95 bakal diadakan pada pertengahan 2025.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan disaran membantu orang susah menggunakan kaedah lain tanpa mengganggu pasaran harga.

"Saya lebih cenderung harga pasaran dikekalkan dan kita tak boleh hidup dalam kepura-puraan.

"Jika terus tekan harga ke tahap rendah dalam tempoh yang lama akan menyebabkan beban.

"Jika berlaku perang di negara teluk memang akan menyebabkan kenaikan harga petrol, rakyat perlu dimaklumkan dan kerajaan perlu bantu guna kaedah lain tanpa ganggu harga pasaran," ujarnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
TELLING IT AS IT IS

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 5

# Kedah KPDN targets fuel misuse near Thai border

580 vehicles refuelling multiple times daily detected, authorities step up efforts to curb subsidised fuel theft

**BUKIT KAYU HITAM:** The Kedah branch of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) detected 580 vehicles refuelling several times a day at different petrol stations near the Malaysia-Thailand border.

Its director Muhammad Nizam Jamaludin said his team had been monitoring these activities since Sept 25.

"A total of 19,705 vehicles were recorded refuelling, with 19,001 being local vehicles and 704 foreign-registered vehicles.

"Of the total number, 580 vehicles were detected refuelling more than once in the same day," he said after monitoring several petrol stations on Wednesday.

He added that his team is currently strengthening controls to curb the embezzlement of subsidised fuel.

Muhammad Nizam explained that his team took action by assigning officers at six petrol stations in the Kubang Pasu and Baling districts, deploying enforcement patrol units, conducting intelligence operations and taking action based on the information obtained.

He said these approaches could help identify the actual fuel quota needs of petrol stations and provide information on vehicles refuelling with petrol or diesel.

The investigation also revealed that the misappropriation of subsidised fuel was carried out by individuals or small groups using locally registered vehicles.

He added that their modus operandi involved making purchases using small drums and modified vehicles with additional fuel tanks, and it is believed they used remote village areas, away from public attention, as fuel collection points.

Meanwhile, in Op Tiris 3.0, conducted throughout the year, a total of 1,982 inspections were carried out and action was taken in 158 cases involving total seizures exceeding RM2.9 million.

"A total of 17 investigation papers have received approval from the deputy public prosecutor to be registered in court for prosecution," he said.

"I would like to remind the public that strict action will be taken against anyone attempting to misuse subsidised controlled goods."

Meanwhile, in Perak, the ministry, through Op Tiris 3.0, seized 5,550 litres of diesel, without a permit, in a raid on an illegal store in Kampung Melayu Jenderata near Hutan Melintang on Tuesday.

Perak KPDN director Datuk Kamalludin Ismail said a tanker lorry, a four-wheel drive vehicle, a skid tank unit, a drum and an electric pump were also seized, with the total value of confiscated items estimated at RM280,539, Bernama reported.

Two local men, the lorry driver and the premises owner, were detained.

He said during the raid at 12.18pm, his team found 50 litres of liquid suspected to be diesel in a drum and 5,500 litres of liquid suspected to be diesel in a skid tank at the premises.

"A team of KPDN officers and enforcement members from the Teluk Intan branch conducted the raid following intelligence after detecting suspicious movement of a lorry entering the premises over the past week.

"The premises owner, a 53-year-old local man, failed to submit any letter of authorisation, licence or permit to store controlled goods, which constitutes an offence under the Control of Supplies Act 1961," he said in a statement.



Muhammad Nizam said his team is currently strengthening controls to curb the embezzlement of subsidised fuel. – *BERNAMAPIC*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

The Star

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 8

# Keeping festive costs light

## Deepavali price control scheme to run from Oct 28 to Nov 3

**KUALA LUMPUR:** Eight items, including imported large red onions and Australian dhal, have been listed under the Festive Season Maximum Price Scheme for Deepavali from Oct 28 until Nov 3, says Datuk Armizan Mohd Ali.

The Domestic Trade and Cost of Living Minister said other items were small red onions and rose onions (from India), red chillies, tomatoes, imported bone-in mutton, whole coconuts with maximum price applicable at the wholesale level only, and grated coconut (maximum price at the retail level).

"The list of items, maximum price levels and implementation period were determined based on several factors such as demand and supply, current costs, weather, wage rates and other aspects," he told a press conference when announcing the price scheme for Deepavali 2024 yesterday, Bernama reported.

Armizan added that the pricing was set after consulting strategic partners of the ministry, including the Agriculture and Food Security Ministry, relevant agencies, and industry stakeholders.

"The maximum prices set for the price scheme at both the wholesale and retail levels can be checked on the Domestic Trade and Cost of Living's website at www.kpdn.gov.my," he said.

Armizan said enforcement officers would be deployed to monitor the prices of goods nationwide throughout the implementation of the seven-day price scheme.

"We also encourage public cooperation through reports, complaints and feedback regarding compliance with the scheme, particularly through the complaint platform provided by the ministry.

"We hope for the collaboration of all parties to ensure that the maximum price scheme achieves its targeted objectives," he said.

Separately, Armizan said the RM700mil allocation to expand the cost of living programmes, announced by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim during the recent tabling of Budget 2025, had opened pathways for initiatives.

Armizan, who is also Papar MP, said the ministry was planning a new approach, including a special intervention programme in the form of the Madani Sales Programme during festive seasons.

Deepavali, the Festival of Lights, will be celebrated by Hindus nationwide on Oct 31.




**Tantalising spread:** Armizan (third from right) looking at the various upcoming price-controlled goods in Brickfields, Kuala Lumpur. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 2

# Permintaan meningkat punca telur tidak cukup

Winnie Kasmir

SANDAKAN: Permintaan semakin meningkat menjadi punca telur ayam gred A, B dan C di Sandakan tidak mencukupi dan bukannya disebabkan pengurangan pengeluaran.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Sandakan, Azdy Zukkry John berkata, pihaknya telah melakukan pemeriksaan dan pemantauan berkenaan isu telur ayam kawalan yang dikatakan sukar didapati di pasaran.

"Pasukan penguatkuasa KPDN Sandakan telah turun padang untuk memantau telur ayam gred A,B, dan C, yang dikawal harganya oleh kerajaan, yang dikatakan sukar didapati di Sandakan. Kami telah meninjau premis pembekal telur ayam, pasar raya, pemborong dan peruncit.

"Kami mendapat maklum balas dan melihat sendiri data pembekal telur ayam dan pengeluaran telur ayam adalah seperti biasa, tidak ada pengurangan. Pemborong juga memaklumkan pihak mereka mendapat bekalan telur ayam setiap hari.

"Oleh itu, permintaan telur ayam daripada pengguna domestik dan pengusaha kedai makan yang semakin meningkat di daerah ini, menjadi penyebab telur ayam kawalan sukar didapati," kata Azdy ketika ditemui media selepas pemeriksaan di premis pembekal telur ayam di Sandakan, pada Khamis.

Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan di premis tersebut pada Khamis, jumlah keseluruhan stok semasa telur ayam gred A, B, dan C untuk edaran adalah sebanyak 94,950 biji, manakala jumlah telur ayam bukan kawalan adalah sebanyak 126,990 biji.



AZDY (tengah) memeriksa telur ayam kawalan dan bukan kawalan di salah sebuah premis pembekal pada Khamis.

Jelasnya lagi, selain pemeriksaan yang dijalankan di premis-premis pembekal dan peruncit, KPDN Sandakan juga mengambil inisiatif menubuhkan 'kumpulan WhatsApp' bersama peruncit daerah terpilih (DDR), pemborong daerah terpilih (DDW) dan pihak pembekal telur ayam di daerah itu, bertujuan untuk memantau pergerakan bekalan telur ayam kawalan dan bukan kawalan.

Azdy menambah, KPDN Sandakan juga tidak ada menerima sebarang aduan rasmi berkenaan bekalan dan harga telur ayam di daerah ini sejak 1 Januari sehingga kini.

"Bagaimanapun, seramai 18 orang pegawai penguatkuasa dan tujuh pegawai pemantau harga KPDN Sandakan akan digerakkan bagi menjalankan pemeriksaan harian bekalan telur ayam kawalan di kawasan bandar dan luar bandar daerah," katanya.

Untuk rekod, telur ayam gred A, B, dan C dikawal harganya di peringkat ladang, borong dan runcit, berkuat kuasa pada 17 Jun lalu.

Harga telur ayam di peringkat runcit bagi gred A ialah 48 sen sebiji, gred B berharga 47sen manakala gred C berharga 46 sen sebiji di Sandakan.

Justeru, Azdy menasihati peniaga mematuhi harga kawalan yang ditetapkan oleh kerajaan dan pengguna juga disaran melaporkan sebarang aktiviti pencatutan berkaitan harga barang kawalan di pasaran.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 2

# 8 barangan SHMMP Deepavali

KUALA LUMPUR: Lapan barangan termasuk bawang merah besar import dan kacang dal Australia disenaraikan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2024, berkuat kuasa tujuh hari bermula 28 Okt hingga 3 Nov ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata barangan lain ialah bawang merah kecil (India) termasuk ros, cili merah, daging kambing biri-biri bertulang import, kelapa biji (harga maksimum pada peringkat borong sahaja), kelapa parut (harga maksimum pada peringkat runcit sahaja) dan tomato. Senarai barangan, paras harga maksimum dan tempoh pelaksanaan ditentukan berdasarkan beberapa faktor seperti permintaan serta penawaran, kos semasa, cuaca, kadar upah dan lain-lain," katanya pada sidang media pengumuman pelaksanaan SHMMP Deepavali 2024 di sini, Khamis.

Beliau berkata penentuan harga tersebut dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada rakan strategik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, agensi dan pemain industri.

"Harga maksimum yang ditetapkan untuk SHMMP Deepavali 2024 di peringkat pemborong dan peruncit boleh disemak melalui laman web Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di *www.kpdn.gov.my*," katanya.

Armizan berkata pihaknya juga akan menggerakkan pegawai penguat kuasa KPDN untuk memantau harga barangan di seluruh negara sepanjang pelaksanaan SHMMP Deepavali 2024.

"Kita juga menggalakkan kerjasama orang awam membuat laporan, aduan dan maklum balas mengenai kepatuhan skim khususnya menerusi platform aduan disediakan KPDN, dan mengharapkan kerjasama semua pihak bagi memastikan skim harga maksimum ini dapat mencapai objektif yang disasarkan," katanya.

Beliau seterusnya menyambut baik peruntukan RM700 juta bagi memperbanyakkan saluran program kos sara hidup yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada perbentangan Belanjawan 2025 baru-baru ini.

Beliau berkata menerusi peruntukan itu, pihaknya antara lain sedang merancang pendekatan baharu seperti program intervensi khas dalam bentuk program Jualan Rahmah Madani (PJRM) pada setiap musim perayaan.

Deepavali atau pesta cahaya akan disambut penganut agama Hindu di seluruh negara Khamis hadapan. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 4

# Kedah KPDN targets fuel misuse near Thai border

580 vehicles refuelling multiple times daily detected, authorities step up efforts to curb subsidised fuel theft

**BUKIT KAYU HITAM:** The Kedah branch of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) detected 580 vehicles refuelling several times a day at different petrol stations near the Malaysia-Thailand border.

Its director Muhammad Nizam Jamaludin said his team had been monitoring these activities since Sept 25.

"A total of 19,705 vehicles were recorded refuelling, with 19,001 being local vehicles and 704 foreign-registered vehicles.

"Of the total number, 580 vehicles were detected refuelling more than once in the same day," he said after monitoring several petrol stations on Wednesday.

He added that his team is currently strengthening controls to curb the embezzlement of subsidised fuel.

Muhammad Nizam explained that his team took action by assigning officers at six petrol stations in the Kubang Pasu and Baling districts, deploying enforcement patrol units, conducting intelligence operations and taking action based on the information obtained.

He said these approaches could help identify the actual fuel quota needs of petrol stations and provide information on vehicles refuelling with petrol or diesel.

The investigation also revealed that the misappropriation of subsidised fuel was carried out by individuals or small groups using locally registered vehicles.

He added that their modus operandi involved making purchases using small drums and modified vehicles with additional fuel tanks, and it is believed they used remote village areas, away from public attention, as fuel collection points.

Meanwhile, in Op Tiris 3.0, conducted throughout the year, a total of 1,982 inspections were carried out and action was taken in 158 cases involving total seizures exceeding RM2.9 million.

"A total of 17 investigation papers have received approval from the deputy public prosecutor to be registered in court for prosecution," he said.

"I would like to remind the public that strict action will be taken against anyone attempting to misuse subsidised controlled goods."

Meanwhile, in Perak, the ministry, through Op Tiris 3.0, seized 5,550 litres of diesel, without a permit, in a raid on an illegal store in Kampung Melayu Jenderata near Hutan Melintang on Tuesday.

Perak KPDN director Datuk Kamalludin Ismail said a tanker lorry, a four-wheel drive vehicle, a skid tank unit, a drum and an electric pump were also seized, with the total value of confiscated items estimated at RM280,539, Bernama reported.

Two local men, the lorry driver and the premises owner, were detained.

He said during the raid at 12.18pm, his team found 50 litres of liquid suspected to be diesel in a drum and 5,500 litres of liquid suspected to be diesel in a skid tank at the premises.

"A team of KPDN officers and enforcement members from the Teluk Intan branch conducted the raid following intelligence after detecting suspicious movement of a lorry entering the premises over the past week.

"The premises owner, a 53-year-old local man, failed to submit any letter of authorisation, licence or permit to store controlled goods, which constitutes an offence under the Control of Supplies Act 1961," he said in a statement.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 7

# Police foil attempt to smuggle 2,000 litres of diesel in Bekenu

**MIRI:** Police foiled an attempt to smuggle 2,000 litres of diesel worth RM6,700 during a raid in Bekenu on Wednesday.

Miri police chief ACP Alexson Naga Chabu said during the anti-smuggling operation dubbed 'Op Taring', a Region 5 Marine Police Intelligence Unit team stopped and inspected a single cab pickup truck in front of a supermarket at 1.30pm.

"As a result of an inspection of the vehicle bed, which was covered with a green canvas, it was found that there were two white tanks with a capacity of 1,000 litres each. Each tank contained diesel oil," he said in a statement.

"The driver failed to produce any documented evidence of permission to possess, keep, or carry controlled goods without a permit, licence, or special permission from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN)."

He said the raiding team seized the 2,000 litres of diesel, believed to be subsidised, and the pickup truck worth RM65,000 as case exhibits, as well as detained the driver.




A policeman lifts the tarpaulin canvas to reveal an intermediate bulk container filled with diesel. — Police photo

The seized items were handed over to the Miri KPDN office for further action.

Diesel smuggling is an offence under the Control of Supplies Act 1961.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 12

# Eight items listed in Deepavali price scheme

**KUALA LUMPUR:** Eight items, including imported large red onions and Australian dhall, have been listed under the Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) for Deepavali 2024, effective for seven days from Oct 28 to Nov 3.

The Minister of Domestic Trade and Cost of Living, Datuk Armizan Mohd Ali, said other items include small red onions and rose onions (from India), red chilies, imported bone-in mutton, whole coconuts (maximum price applicable at the wholesale level only), grated coconut (maximum price applicable at the retail level only), and tomatoes.

"The list of items, maximum price levels, and implementation period were determined based on several factors such as demand and supply, current costs, weather, wage rates, and other aspects," he said at a press conference announcing the SHMMP for Deepavali 2024 here yesterday.

He added that the pricing was set in consultation with strategic partners of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), including the Ministry of Agriculture and Food Security, relevant agencies, and industry stakeholders.

"The maximum prices set for the SHMMP for Deepavali 2024 at both the wholesale and retail levels can be checked on the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living's website at www.kpdn.gov.my," he said.

Armizan said KPDN enforcement officers will be deployed to monitor the prices of goods nationwide throughout the implementation of the price scheme.

"We also encourage public cooperation through reports, complaints, and feedback regarding compliance with the scheme, particularly through the complaint platform provided by KPDN. We hope for the collaboration of all parties to ensure that the maximum price scheme achieves its targeted objectives," he said.

In another development, Armizan noted that the RM700 million allocation to expand the cost of living programmes, announced by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim during the recent tabling of Budget 2025, has opened pathways for initiatives responding to price movements.

Armizan, who is also the Papar member of parliament, stated that the ministry is planning a new approach, including a special intervention programme in the form of the MADANI Sales Programme during the festive seasons.

Deepavali, the Festival of Lights, will be celebrated by Hindus nationwide next Thursday, Oct 31. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 1

# 80 barangan segar turun harga ketika ringgit mengukuh: KPDN

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 80 jenis barangan segar mencatatkan penurunan harga apabila nilai mata wang ringgit mengukuh pada tempoh penghujung Julai hingga September lepas, menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Bagaimanapun, KPDN turut memaklumkan bahawa terdapat 72 barangan dalam kategori yang sama mengalami peningkatan harga dalam tempoh tersebut.

Kementerian itu menjelaskan antara barangan yang mengalami penurunan harga terendah adalah tomato (satu kilogram), manakala kenaikan harga tertinggi adalah kubis bunga (satu kg).

"Bagi kategori barangan lain seperti barangan kering, barangan berbungkus, barangan produk bayi, barangan kebersihan dan barangan minuman, harga adalah lebih stabil dengan kadar kenaikan dan penurunan harga purata kurang daripada 10 peratus," demikian menurut KPDN dalam jawapan bertulis kepada Dewan Rakyat yang disiarkan di laman sesawang Parlimen.

Penjelasan itu bagi menjawab soalan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) yang ingin tahu sebab harga barang naik kerana ringgit lemah, tetapi tidak turun selepas ringgit kembali kukuh serta tindakan KPDN untuk menurunkan harga barang selepas itu.

Menurut KPDN, perubahan harga barangan adalah lumrah bagi negara yang mengamalkan ekonomi pasaran terbuka seperti Malaysia, namun penting bagi memastikan harga barangan stabil dan tiada perubahan mendadak pada harga barangan.

Antara inisiatif dilaksanakan KPDN bagi memastikan kestabilan harga barangan adalah kawalan harga barangan bersubsidi, kawalan harga tanpa subsidi, skim harga maksimum musim perayaan (SHMMP) dan sistem kawalan diesel bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0).

Sementara itu, menjawab soalan berasingan, KPDN memaklumkan tiada keperluan buat masa ini untuk mewujudkan rangkaian kedai serbaneka milik kerajaan yang berkonsepkan penjualan barangan keperluan asas dengan harga rahmah buat masa ini,

Menurut KPDN, ketika ini kerajaan memberi lebih tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif Payung Rahmah MADANI menerusi Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM), Menu Rahmah, Pakej Rahmah dan Bakul Rahmah bagi mengimbangi impak kenaikan barangan dan mengurangkan tekanan kos sara hidup. — Bernama

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 3

# Lapan barangan disenarai dalam SHMMP Deepavali 2024: Armizan

**KUALA LUMPUR:** Lapan barangan termasuk bawang merah besar import dan kacang dal Australia disenaraikan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2024, berkuat kuasa tujuh hari bermula 28 Oktober hingga 3 November ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, barangan lain ialah bawang merah kecil (India) termasuk ros, cili merah, daging kambing biri-biri bertulang import, kelapa biji (harga maksimum pada peringkat borong sahaja), kelapa parut (harga maksimum pada peringkat runcit sahaja) dan tomato.

"Senarai barangan, paras harga maksimum dan tempoh pelaksanaan ditentukan berdasarkan beberapa faktor seperti permintaan serta penawaran, kos semasa, cuaca, kadar upah dan lain-lain," katanya pada sidang media pengumuman pelaksanaan SHMMP Deepavali 2024 di sini semalam.

Beliau berkata, penentuan harga tersebut dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada rakan strategik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, agensi dan pemain industri. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 8

# Lapan barangan disenarai dalam SHMMP Deepavali 2024

KUALA LUMPUR: Lapan barangan termasuk bawang merah besar import dan kacang dal Australia disenaraikan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2024, berkuat kuasa tujuh hari bermula 28 Okt hingga 3 Nov ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata barangan lain ialah bawang merah kecil (India) termasuk ros, cili merah, daging kambing biri-biri bertulang import, kelapa biji (harga maksimum pada peringkat borong sahaja), kelapa parut (harga maksimum pada peringkat runcit sahaja) dan tomato.

"Senarai barangan, paras harga maksimum dan tempoh pelaksanaan ditentukan berdasarkan beberapa faktor seperti permintaan serta penawaran, kos semasa, cuaca, kadar upah dan lain-lain," katanya pada sidang media pengumuman pelaksanaan SHMMP Deepavali 2024 di sini semalam.

Beliau berkata penentuan harga tersebut dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada rakan strategik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, agensi dan pemain industri.

"Harga maksimum yang ditetapkan untuk SHMMP Deepavali 2024 di peringkat pemborong dan peruncit boleh disemak melalui laman web Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di www.kpdn.gov.my," katanya.

Armizan berkata pihaknya juga akan menggerakkan pegawai penguat kuasa KPDN untuk memantau harga barangan di seluruh negara sepanjang pelaksanaan SHMMP Deepavali 2024.

"Kita juga menggalakkan kerjasama orang awam membuat laporan, aduan dan maklum balas mengenai kepatuhan skim khususnya menerusi platform aduan disediakan KPDN, dan mengharapkan kerjasama semua pihak bagi memastikan skim harga maksimum ini dapat mencapai objektif yang disasarkan," katanya.

Beliau seterusnya menyambut baik peruntukan RM700 juta bagi memperbanyakkan saluran program kos sara hidup yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pembentangan Belanjawan 2025 baru-baru ini.

Deepavali atau pesta cahaya akan disambut penganut agama Hindu di seluruh negara Khamis hadapan. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 2

# Polis Marin rampas 2,000 liter diesel cuba diseleweng di Miri

## Sebuah pikap ditahan susulan Ops Taring Kontraban: Alexson

Oleh Rosemaria Buma

**MIRI:** Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 5 Miri berjaya merampas sejumlah 2,000 liter minyak diesel dianggarkan bernilai RM6,700 yang disyaki cuba diselewengkan petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Alexson Naga Chabu dalam satu kenyataan yang dikeluarkan malam kelmarin mengesahkan rampasan itu.

Katanya, sekitar jam 1.30 petang sepasukan anggota dari Unit Risikan Marin Markas Taktikal PPM Wilayah 5 Miri terdiri daripada seorang pegawai dan empat anggota yang menjalankan Ops Taring Kontraban telah menahan sebuah pikap.

Katanya, pikap itu yang dipandu seorang lelaki warga tempatan telah ditahan di hadapan sebuah pasar raya di Bekenu untuk tujuan pemeriksaan kerana dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan di bahagian belakang pikap itu yang ditutup dengan kanvas didapati terdapat dua tangki putih berkapasiti 1,000 liter setiap satu yang berisi minyak diesel.

"Setelah disoal siasat, pemandu terbabit gagal mengemukakan sebarang bukti berdokumen kebenaran memiliki, menyimpan atau membawa barang kawalan tanpa permit, lesen atau kebenaran khas dari pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Miri," ujar beliau lanjut.

Menurut Alexson, nilai keseluruhan rampasan dalam kes ini berjumlah RM71,700 termasuk pikap tersebut.



**BARANG KES:** Sebuah pikap yang membawa dua tangki berisi 2,000 liter minyak diesel dirampas Polis Marin dalam Ops Taring Kontraban di Bekenu petang kelmarin.

> "Hasil pemeriksaan di bahagian belakang pikap itu yang ditutup dengan kanvas didapati terdapat dua tangki putih berkapasiti 1,000 liter setiap satu yang berisi minyak diesel."
>
> **ACP Alexson Naga Chabu**
> *Ketua Polis Daerah Miri*

Sehubungan itu katanya, kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, manakala semua barang rampasan telah diserahkan kepada pegawai penyiasat KPDN Miri untuk siasatan dan tindakan selanjutnya.

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 8




**DAPAT SAMBUTAN:** Matthew (dua kiri) bersama (dari dua kanan) Thomas, Zulhaidah dan Adam ketika meninjau PJRM yang dilaksanakan di Pasaraya Easy Go Pujut Padang Kerbau hujung minggu lalu.

# PJRM DUN Pujut terima sambutan hangat

**MIRI:** Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) yang diadakan di kawasan Parlimen Miri (DUN Pujut) pada 20 Oktober lalu berjaya menarik ramai pengunjung terutama penduduk di sekitar bandar raya ini.

Menurut Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak Matthew Dominic Barin, program yang berlangsung pada jam 11 pagi hingga 8 malam itu bertujuan membantu rakyat mengurangkan beban kos sara hidup dengan menawarkan potongan harga barangan keperluan asas antara 10 hingga 30 peratus.

"Program ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meringankan beban rakyat yang berdepan dengan peningkatan kos sara hidup.

"Barangan keperluan asas seperti ayam, ikan, telur ayam, minyak masak, beras dan sayur-sayuran ditawarkan pada harga yang lebih rendah daripada biasa dengan kerjasama rakan strategik," katanya.

Menurut Matthew, sepanjang bulan ini pihak KPDN telah melaksanakan 107 PJRM di bahagian Miri iaitu 77 PJRM, satu Program Jualan Rahmah Premium dan 29 PJRM Bergerak.

"Program-program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat setempat.

"Menerusi program ini, para pengunjung juga berpeluang mendapatkan barangan lain seperti lampin pakai buang, barangan keperluan sekolah dan ubat-ubatan pada harga yang lebih mampu milik, menjadikan program ini sebagai inisiatif yang sangat dinantikan rakyat bagi menangani kos sara hidup yang semakin mencabar," katanya.

Tambahnya, PJRM bukan sahaja menawarkan harga yang berpatutan tetapi juga membantu masyarakat dalam mendapatkan barangan keperluan asas dengan lebih mudah dan berpatutan.

Hadir sama pada program itu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pujut Adam Yii Siew Sang serta Zulhaidah Suboh yang mewakili Ahli Parlimen Miri dan ketua cawangan KPDN Miri Thomas Chua Kee Chuan.

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 12

# PJRM ti diatur ba Parlimen Miri nerima sukung manah ari mensia mayuh

**MIRI:** Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) ti diatur ba sitak Parlimen Miri (DUN Pujut) apin lama, mujur matak sukung orang mayuh lebih agi peranak ti diau ba mengeri besai ditu.

Direktor Opis Menteri Dagang Dalam Nengeri enggau Ungkus Idup (KPDN) Sarawak, Matthew Dominic Barin madahka, tuju program nya diatur kena mantu rayat ngurangka tating ungkus idup nengah chara meri rega ti patut ngagai barang ti diguna tiap hari iya nya diputung entara 10 ngagai 30 peratus.

Program nya diatur kena 20 Oktober, ari pukul 11.00 pagi ngagai 8.00 malam.

"Program tu sebagi ari pengeran perintah deka ngelempungka tating belanja rayat ti betapi enggau ungkus idup ti niki.

"Barang ti diguna tiap hari baka manuk, ikan, telu manuk, minyak masak, beras enggau mayuh macham sayur dijual ngena rega ti baruh ari ke rega biasa enggau kerejasama bakih strategik," ku iya.

Nitih ke Matthew, nyentuk Oktober taun tu sida KPDN udah ngatur 107 PJRM di bagi menua Miri iya nya 77 PJRM, Program Jualan Rahmah Premium (1) enggau Program Jualan Rahmah Madani Bergerak (29).




**NERIMA SUKUNG:** Matthew (dua kiba) begulai enggau Thomas, Zulhaidah sereta Adam (ari dua ngagai empat kanan) maya ngabas PJRM ti diatur ba Pasaraya Easy Go Pujut Padang Kerbau ujung minggu tu tadi.

"Program tu nerima sukung ti chukup manah ari raban bansa ba endur nya.

"Nengah program tu, orang mayuh ti datai bebeli mega bepeluang meli barang ti bukai baka lampin kena buai, kereban sekula enggau ubat ti dijual ngena rega ti ulih dibeli, ngujungka program tu nyadi siti inisiatif ke chukup dianti rayat kena betapi ungkus idup ti majak mar," ku iya.

Nambahnya, iya madahka, PJRM ukai semina nyendiaka rega ti patut tang mega mantu raban bansa bulih barang ke diguna tiap hari enggau lebih mudah sereta patut.

Sama bisi datai ngagai program nya, Kaban Kunsil Nengeri (ADUN) Pujut, Adam Yii Siew Sang enggau Zulhaidah Suboh ti ngarika Kaban Parlimen Miri enggau tuai pampang KPDN Miri Thomas Chua Kee Chuan.

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 4

# Penjual peranti rokok elektronik diingat untuk mendapatkan perakuan SIRIM

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengingatkan semua penjual peranti rokok elektronik atau vape supaya mendapatkan kebenaran atau perakuan daripada Institut Piawaian dan Penyelidikan (SIRIM).

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata KPDN akan berkerjasama dengan SIRIM bagi memastikan pengeluaran peranti rokok elektronik mendapat perakuan dan penandaan MS SIRIM yang menepati standard daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd.

"Kita menerima laporan dan kebimbangan daripada pihak tertentu. Apa yang ingin saya nyatakan di pihak KPDN adalah bidang kuasa kita berkaitan dengan Akta Perihal Dagangan 2011.

"Ada satu perintah khusus berkaitan peruntukan dan penandaan peranti rokok elektronik yang dikeluarkan pada 2022 dan untuk menguatkuasakan perintah tersebut, kita akan kerjasama dengan SIRIM QAS International Sdn Bhd," katanya pada sidang media Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2024 di sini, semalam.



**SEGAR:** Armizan (dua kanan) melihat harga barang selepas sidang media Pengumuman Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali di Kuala Lumpur, semalam.
— Gambar Bernama

Media sebelum ini melaporkan tentang penjualan rokok elektrik yang menyerupai pen penanda (marker pen) atau pelekat serba guna, UHU yang menimbulkan kebimbangan kerana boleh mengelirukan penjaga ataupun guru.

Berkuat kuasa 3 Ogos 2022, pengilang dan pengimport peranti rokok elektronik perlu membuat permohonan perakuan dan penandaan MS SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd.

Penandaan MS SIRIM hendaklah diletakkan pada peranti rokok elektronik, alat gantinya atau pada bekas peranti itu dibekalkan yang mudah dilihat oleh pengguna, bagi menunjukkan peranti tersebut telah mematuhi standard dan selamat digunakan.

Sementara itu, Armizan turut mengingatkan para peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan barangan yang dibuat daripada gula putih bertapis, susulan langkah kerajaan menaikkan kadar duti eksais bagi minuman bergula secara berfasa sebanyak 40 sen seliter mulai 1 Januari tahun depan.

"Saya rasa kita boleh hidup tanpa ambil gula yang banyak dan itu merupakan apa yang diumumkan oleh kerajaan. Jadi, saya harap jangan ada pihak ambil kesempatan untuk menaikkan harga benda-benda yang tidak berkait dasar tersebut," katanya. — Bernama

星洲日報 25. 10. 2024 | 星期五



# 内貿部：匯率趨穩
# 80食材降價72上漲

（吉隆坡24日讯）国内贸易及生活费部指出，令吉汇率在今年7至9月回稳期间，国内一共有80种新鲜食材的价格回落，另有72种则涨价。

内贸部说，降价的食材包括番茄（按公斤计算），至于涨价最高的食材是花椰菜（按公斤计算）。

内贸部今日透过书面答复，回答希盟峇央峇鲁区国会议员沈志勤的提问时说："在其他物品方面，比如干货、包装物品、婴儿用品、洗涤用品还有饮料，价格则更为稳定，涨幅和跌幅平均少于10%。"

内贸部说，物价的变化对实行开放市场经济的国家包括大马而言是常态，但确保物价稳定，以及避免价格出现剧烈波动极其重要。

## 无需设便利店卖便宜必需品

内贸部说，该部采取的举措，包括管制补贴商品的价格、管制非补贴商品的价格、实施佳节统制品、还有柴油补贴管制系统2.0（SKDS 2.0），以确保物价稳定。

另一方面，内贸部在另一份书面回答则提到，目前没有必要设立政府管理的连锁便利店，以"爱心价格"售卖基本生活必需品。

内贸部说，政府目前较为专注在推行昌明经济的爱心伞倡议，透过爱心昌明销售计划（PJRM）、爱心菜单、爱心配套和爱心食物篮，平衡物价高涨的冲击并降低生活成本压力。

"截至2024年10月7日，内贸部推行的PJRM所售卖的必需品价格，低于全国7965个地点的市价10至30%，造福704万人。"

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 11

## 28日起至11月3

# 屠妖節8食材列統制品

（吉隆坡24日讯）配合即临的屠妖节，国内贸易及生活费部将于10月28日起至11月3日，实施2024年屠妖节佳节顶价计划，进口大葱头等8种食材列为统制品。

内贸部长拿督阿米占说，其他7种统制品是印度进口小葱头，包括小红葱、红辣椒、进口带骨羊肉、椰子（仅限批发）、椰丝（仅限零售）和番茄。

他今天召开记者会宣布屠妖节统制品时说，商品清单、顶价水平和实施期限是根据供需、当前成本、天气、薪金率等多种因素而定。

他说，内贸部在制定顶价时，已征询农业及粮食安全部、相关机构和业者等战略伙伴的意见。

有关2024年屠妖节佳节顶价计划批发和零售的顶价，可浏览内贸部官网www.kpdn.gov.my查询。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報
CHINA PRESS

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 3

# 香料價格飆漲250%

## 内貿部要求商家解釋

（吉隆坡24日讯）国内贸易及生活成本部已发通知信给被指趁屠妖节来临，擅自将必需品价格，特别是香料，调整高达250%的商家，以作出解释。

内贸部长拿督阿米占指出，该部检查发现价格是有变动，但并非如槟城印度教协会（PHA）所说的所有物品。

他说，当局已发出通知信给有关方面，要求他们对起价的原因作出解释。

“我们通过媒体获得报告。虽然不是通过内贸部的正式平台投诉，但我们感谢，因为这是社会大众预期的回应。”

阿米占今日公布2024年屠妖节的佳节顶价计划后，在记者会上这么指出。

他说，该部会继续监督，并会发出通知信给相关方面，要求作出解释。

### 如牟利會採行動

“我们正在调查，如果有牟取暴利的成分，我们会采取行动。”

另外，他也对首相兼财长拿督斯里安华在上周提呈的财政预算案，宣布发放7亿令吉拨款增加生活成本相关的计划表示欢迎。

他说，透过上述拨款则有利该部策划新的特别干预项目，犹如每个节庆会推出的“慈悯昌明销售计划”（PJRM）。

槟城印度教协会主席拿督慕鲁基亚日前指出，根据收到的投诉，该协会在一些零售商店进行了调查，发现与一年前相比，必需品和香料的价格确实出现惊人的上涨。

他说，豆蔻的价格从2023年的每公斤40令吉飙升至今年的每公斤140令吉，在短短一年多的时间里，价格上涨了250%。



■阿米占（右3）巡视商店的香料产品销售情况。

### 屠妖節8項統制品

配合来临屠妖节，国内贸易及生活成本部将于本月28日起至11月3日，实施2024年屠妖节佳节顶价计划，进口大葱等8种食材列为统制品。

阿米占莫哈末阿里说，其他7种统制品是印度进口小葱头，包括小红葱、红辣椒、进口带骨羊肉、椰子（仅限批发）、椰丝（仅限零售）和番茄。

他周四召开记者会宣布屠妖节统制品时说：“商品清单、顶价水平和实施期限是根据供需、当前成本、天气、薪金率等多种因素而定。”

部长说，内贸部在制定顶价时已徵询农业及粮食安全部、相关机构和业者等战略夥伴的意见。

有关2024年屠妖节佳节顶价计划批发和零售的顶价可浏览内贸部官网 www.kpdn.gov.my查询。

阿米占指出，在实施上述佳节统制品期间，该部也将动员在全国各地监督。

“我们也鼓励公众针对遵守佳节统制品一事作出举报、投诉或提出反馈，特别是透过内贸部的投诉平台。希望各方通力配合，确保佳节统制品的措施能达到既定目的。”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報 CHINA PRESS

HARI: JUMAAT

TARIKH: 25/10/2024

M/SURAT: 7

# 阿米占：令吉走強
# 80生鮮產品降價



■阿米占

（吉隆坡24日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占指出，随著令吉在今年7至9月走强，有80种生鲜产品的价格下降。

他说，在同一期间，也有72种生鲜产品的价格上涨。

"在这期间，部门所监督的商品类别，包括生鲜产品、乾货、包装商品、婴儿用品、卫生用品及饮料，有72种生鲜产品涨价。

"不过，这被同一类别的80种商品价格下跌所抵消。价格涨幅最高的是花椰菜（Cauliflower），而跌幅最低的是番茄。

"其他类别的商品如乾货、包装商品、婴儿用品、卫生用品及饮料的价格相对稳定，涨跌幅度平均低於10%。"

阿米占今日在国会下议院通过书面方式，如是回答公正党峇央峇鲁区国会议员沈志勤的提问。

他提到，该部也落实多项倡议，确保物价稳定，包括佳节顶价计划（SHMMP）、柴油补贴管制系统2.0（SKDS 2.0）、关爱促销活动和各种执法行动等。

他补充，在稳定物价的同时，该部也致力减轻人们的生活成本负担，并呼吁消费者通过该部旗下的手机应用程式"PriceCatcher KPDN"，了解现时物价，更精明规划消费。



■第11届东盟艺术文化部长会议（AMCA）暨第20届东盟文化艺术高级官员会议（SOMCA 20）开幕礼，各成员国部长手连手合影，象征心连心共同发展区域文化艺术领域：左8为张庆信，右是高金洪。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 22





# RON95 disaran jual ikut harga pasaran adil

## Pengkelasan subsidi bersasar berdasarkan pendapatan lebih bersifat relatif

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

**Kerajaan** perlu membantu golongan susah dan memastikan harga petrol RON95 mengikut harga pasaran yang adil apabila melaksanakan subsidi bersasar bahan api itu, demikian saranan Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, UKM (MINDA- UKM), Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali.

Dalam usaha rasionalisasi subsidi petrol RON95, beliau lebih selesa dan cenderung jika bahan api itu dijual pada harga pasaran yang adil.

Beliau turut menyifatkan pengkelasan mengikut kumpulan pendapatan dalam memastikan mereka yang layak menerima subsidi itu bersifat relatif.

Malah, ahli ekonomi itu juga bimbang penggunaan pengkelasan mengikut pendapatan menjadi penjenamaan yang boleh mendatangkan konotasi negatif kepada kumpulan pendapatan tertentu.

Jelasnya, pengkelasan mengikut pendapatan boleh menjadi tafsiran bersifat emosional, sedangkan pendapatan isi rumah boleh menjadi relatif jika mengambil kira faktor seperti tanggungan dan lokasi.

"Pada pandangan saya, jika menggunakan pengkelasan pendapatan sebagai satu pemboleh ubah dasar, seandainya tidak cermat, ia boleh terjebak kepada kesilapan dari segi sasaran.

"Kecenderungan saya sebagai ahli ekonomi adalah bantu orang susah dan jangan ganggu harga. Harga mesti mengikut pasaran yang adil," katanya pada sidang media khas Belanjawan 2025 di Bangi, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas mekanisme sesuai bagi pengkelasan T15 susulan rancangan penyasaran subsidi petrol RON95 pertengahan 2025 yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 pada Jumaat lalu.

### Diberi ikut jenis kenderaan

Mengenai mekanisme sesuai bagi penyasaran subsidi petrol RON95, Noor Azlan menyarankan ia diberikan mengikut jenis kenderaan dan bukan berdasarkan pengkelasan isi rumah mahupun individu.

Beliau berkata, penggunaan petrol adalah bersifat persendirian dan bukan kegunaan awam yang dikongsi secara bersama seperti kemudahan hospital dan pendidikan.

Tambahan, katanya, kenderaan di Malaysia berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan lebih mudah dipantau.

Dalam pembentangan Belanjawan 2025, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan bercadang melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan 2025.

Namun, beliau yang juga Menteri Kewangan menegaskan tanggungan subsidi masih diteruskan untuk 85 peratus rakyat.

Katanya, penjimatan yang dicapai daripada penyasaran subsidi RON95 itu akan dimanfaatkan untuk kesejahteraan rakyat terbanyak.

> Kecenderungan saya sebagai ahli ekonomi adalah bantu orang susah dan jangan ganggu harga. Harga mesti mengikut pasaran yang adil



*Noor Azlan Ghazali,*
*Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, UKM*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 7

Golongan T15 turut berdepan kos sara hidup tinggi, masih harapkan bantuan

# ‘Kami bukanlah orang maha kaya’

Oleh MOHD. AZLI ADLAN, AIMUNI TUAN LAH dan ABDUL RAZAK IDRIS

**PETALING JAYA** – Kumpulan yang berpendapatan antara RM12,000 hingga RM13,000 sebulan atau golongan T15 menyatakan mereka bukanlah golongan yang hidup mewah kerana turut berdepan kos sara hidup tinggi.

Rata-rata mereka menegaskan kehidupan mereka lebih terbeban apabila mempunyai keluarga besar selain tinggal di kawasan bandar-bandar besar berbanding pinggir bandar.

Di **Kuala Terengganu**, kontraktor, Zawawi Md. Salleh, 55, berkata, banyak faktor harus dilihat dan tidak boleh melabelkan golongan tertentu sebagai ‘maha kaya’ hanya berdasarkan pendapatan kasar bulanan.

Menurutnya, penyasaran subsidi petrol dan kenaikan yuran pendidikan sememangnya amat membebankan.

“Walaupun pendapatan terkumpul bulanan saya dan isteri mencecah RM13,000, namun ia tidak bermakna kehidupan kami terlalu selesa.

“Kami juga bergelut dengan kos sara hidup yang semakin tinggi dan bukanlah ‘maha kaya’ seperti didakwa,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Zawawi berkata, beberapa langkah yang dinyatakan dalam Belanjawan 2025 bakal menekan golongan tersebut.

“Tidak adil sedangkan kami golongan paling banyak menyumbang hasil cukai negara. Memang patut dahulukan golongan B40, tetapi takkan lah kami tidak dapat satu manfaat pun daripada cukai dibayar,” ujarnya.

Di **Shah Alam**, seorang kontraktor, Razif Nazri, 47, berkata, perlu ada pengelasan yang jelas dan saksama memandangkan taraf hidup berbeza terutama yang tinggal di kawasan bandar atau pinggir bandar.

“Pada mata kasar gaji berjumlah RM12,000 ke atas bagi isi rumah dilihat tinggi. Namun, untuk meneruskan kelangsungan hidup di bandar dalam kenaikan kos dari segala aspek adalah suatu yang tidak dapat diterima,” ujarnya.



KERATAN *Kosmo!* Rabu 19 Oktober 2024.



**PENGELASAN golongan maha kaya perlu lebih telus.** – GAMBAR HIASAN

Menurutnya, perbelanjaan petrol suami isteri yang bekerja secara relatifnya tidak sama sekiranya seorang bekerja di Kuala Lumpur dan bandar lain.

“Begitu juga kos isi rumah jika pasangan suami isteri tersebut bekerja dan perlu mengaji pembantu rumah selain bil-bil termasuk elektrik,” jelasnya.

Di **Gua Musang**, Chee Chan Keong, 51, berkata, langkah kerajaan yang mengurangkan bantuan kepada golongan berpendapatan lima angka dilihat kurang adil kepada mereka yang turut menghadapi beberapa cabaran tersendiri.

Katanya, seperti juga rakyat lain, salah satu cabaran utama dia yang berpendapatan RM11,800 sebulan adalah kos sara hidup yang tinggi ketika ini terutamanya yang tinggal di kawasan bandar.

“Golongan T15 tidak terkecuali apabila perlu berdepan dengan kos tambahan setiap bulan seperti bayaran perumahan, hutang kenderaan, yuran pendidikan anak-anak serta keperluan untuk mengekalkan gaya hidup tertentu.

“Kerajaan sepatutnya memberi keadilan kepada semua rakyat kerana golongan T15 memainkan peranan penting dalam ekonomi dan masyarakat termasuk kuasa beli dan sumbangan besar kepada pembangunan negara,” ujarnya.

Chan Keong berkata, dia berharap kerajaan dapat mengkaji semula penarafan T15 kepada golongan gaji yang lebih tinggi mencecah RM20, 000 sebulan.

Sebalum ini Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dilaporkan menegaskan, penentuan 15 peratus golongan yang tidak layak menerima subsidi bahan api RON95 atau T15 akan merujuk kepada taburan yang lebih adil, bukannya berdasarkan pendapatan kasar semata-mata.

Beliau berkata, kos sara hidup ini tidak boleh diukur berdasarkan pendapatan kasar semata-mata kerana banyak faktor lain yang mempengaruhinya, termasuklah saiz isi rumah, lokasi dan tanggungan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE EDGE MALAYSIA
HARI: JUMAAT
TARIKH: 25/10/2024
M/SURAT: 15

# Govt to probe claims rice mills switching from local rice to imported

Bernama

KUALA LUMPUR (Oct 24): The Ministry of Agriculture and Food Security will investigate claims that local rice is being switched to imported varieties at several rice mills, the Dewan Rakyat was told on Thursday.

Deputy Minister Datuk Arthur Joseph Kurup said a new regulation may be introduced to protect local rice supplies if the allegations are confirmed to be true.

"First, we need to investigate and request the paddy and rice regulatory division, among others, to visit these rice mills and verify whether the accusation of mixing local white rice with imported rice is true.

"If this is happening, we will need to establish a new regulation to ensure that there is a consistent supply of local white rice and that access is available to meet the needs of Malaysians," he said when replying to a question from Mohd Misbahul Munir Masduki (Perikatan Nasional-Parit Buntar).

Arthur said the ministry had been taking various approaches to ensure the availability of local white rice to meet consumer demand.

Arthur said among the measures taken is distributing local white rice through sales programmes and outlets under the Farmers Organization Authority (LPP), the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), as well as selected supermarket chains.

"The Ministry of Agriculture and Food Security has always paid close attention to the issue of the local white rice supply shortage in the market, which has affected the country since 2023.

"From June 2023 until Sept 19, 2024, a total of six million 10kg bags of local white rice were distributed by Fama, LPP, and wholesalers," he said.

**Read the full story**

**Read also:** KPDN reports 80 types of fresh produce cheaper as ringgit strengthened

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 25 OKTOBER 2024 | | | |
| --- | --- | --- | --- |
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 25-Oct | Lapan barangan disenarai dalam SHMMP Deepavali 2024 - Armizan | https://www.sinarharian.com.my/article/692823/berita/nasional/lapan-barangan-disenarai-dalam-shmmp-deepavali-2024---armizan | SINAR HARIAN |
| 25-Oct | Daging kambing biri-biri ber-tulang import antara 8 ba-rang kawalan Deepavali | https://www.buletintv3.my/nasional/daging-kambing-biri-biri-bertulang-import-antara-8-barang-kawalan-deepavali/ | BULETIN TV3 |
| 25-Oct | Bawang, kacang dal antara barangan harga kawalan sempena Deepavali 2024 | https://malaysiagazette.com/2024/10/24/bawang-kacang-dal-antara-barangan-harga-kawalan-sempena-deepavali-2024/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 25-Oct | Lapan barangan kawalan sempena Deepavali | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/lapan-barangan-kawalan-sempena-deepavali/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 25-Oct | LAPAN BARANGAN DISENARAI DALAM SHMMP DEEPAVALI 2024 - ARMIZAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2355784 | BERNAMA |
| 25-Oct | KPDN senarai lapan ba-rangan dalam skim kawalan harga sempena Deepavali | https://malaysia-tribune.news/2024/10/24/kpdn-senarai-lapan-barangan-dalam-skim-kawalan-harga- | MALAYSIA TRIBUNE |
| 25-Oct | SHMMP Deepavali 2024 berkuat kuasa minggu de-pan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147820/shmmp-deepavali-2024-berkuat-kuasa-minggu-depan | HARIAN METRO |
| 25-Oct | KPDN umum 8 barang ka-walan Deepavali | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1315305/kpdn-umum-8-barang- | BERITA HARIAN |
| 25-Oct | KPDN umum lapan jenis ba-rangan SHMMP menjelang Deepavali | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-umum-lapan-jenis-barangan-shmmp-menjelang-deepavali-493227 | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Oct | Bekalan dan harga sayur di Kuantan masih terkawal menjelang MTL | https://malaysiagazette.com/2024/10/24/bekalan-dan-harga-sayur-di-kuantan-masih-terkawal- | MALAYSIA GAZETTE |
| 25-Oct | KPDN terima laporan harga rempah ratus naik menjelang Deepavali | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-terima-laporan-harga-rempah-ratus-naik-menjelang-deepavali-493228 | ASTRO AWANI |
| 25-Oct | KPDN terima laporan kenaikan harga rempah ratus menjelang Deepavali | https://malaysiagazette.com/2024/10/24/kpdn-terima-laporan-kenaikan-harga-rempah-ratus- | MALAYSIA GAZETTE |
| 25-Oct | Peringatan kepada penjual vape, dapatkan perakuan SIRIM - Menteri KPDN | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peringatan-kepada-penjual-vape-dapatkan-perakuan-sirim---menteri-kpdn-493235 | ASTRO AWANI |
| 25-Oct | PENJUAL PERANTI ROKOK ELEKTRONIK DIINGATKAN UNTUK DAPATKAN PERAKUAN SIRIM | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2355840 | BERNAMA |
| 25-Oct | Jangan ada pihak cuba naik harga makanan sebab perang terhadap gula | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147884/jangan-ada-pihak-cuba-naik-harga-makanan-sebab-perang-terhadap-gula | HARIAN METRO |
| 25-Oct | Kerap isi petrol subsidi, rupanya ada tangki sendiri | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1315361/kerap-isi-petrol-subsidi-rupanya-ada-tangki-sendiri | BERITA HARIAN |
| 25-Oct | Padah ‘atur’ stesen minyak untuk seleweng petro | https://www.kosmo.com.my/2024/10/24/padah-atur-stesen-minyak-untuk-seleweng- | KOSMO |
| 25-Oct | Lelaki ditahan seleweng 2,000 liter minyak diesel subsidi di Bekenu | https://www.tvsarawak.my/2024/10/24/lelaki-ditahan-seleweng-2000-liter-minyak-diesel-subsidi-di-bekenu/ | TV SARAWAK |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Oct | Warga asing ditahan cuba seludup minyak masak peket | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/warga-asing-ditahan-cuba-seludup-minyak-masak-peket | BERITA RTM |
| 25-Oct | Cubaan seludup 80 peket minyak masak ke Thailand gagal | https://www.sinarharian.com.my/article/692792/berita/semasa/cubaan-seludup-80-peket-minyak-masak-ke-thailand-gagal | SINAR HARIAN |
| 25-Oct | Cubaan seludup 80 minyak paket ke Thailand gagal | https://malaysiagazette.com/2024/10/24/cubaan-seludup-80-minyak-paket-ke-thailand-gagal/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 25-Oct | Malaysia teruskan keputusan strategik demi kepentingan nasional – Timbalan Menteri Ekonomi | https://malaysiagazette.com/2024/10/24/malaysia-teruskan-keputusan-strategik-demi-kepentingan-nasional-timbalan-menteri-ekonomi/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 25-Oct | Kerajaan pastikan inflasi terkawal di sebalik ketegangan geopolitik semasa | https://www.tvsarawak.my/2024/10/24/kerajaan-pastikan-inflasi-terkawal-di-sebalik-ketegangan-geopolitik-semasa/ | TV SARAWAK |
| 25-Oct | Eatery owner in Lukut fined RM200 after charging customers RM10 for mineral water | https://thesun.my/malaysia-news/eatery-owner-in-lukut-fined-rm200-after-charging-customers-rm10-for-mineral-water-IL13189818 | THE SUN |
| 25-Oct | KPDN perkenal Program Jualan Rahmah Madani musim perayaan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147942/kpdn-perkenal-program-jualan-rahmah-madani-musim-perayaan | HARIAN METRO |
| 25-Oct | PJRM Jadi Program Tetap Setiap Kali Musim Perayaan | https://malaysiagazette.com/2024/10/24/mgnews-pjrm-jadi-program-tetap-setiap-kali-musim-perayaan/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 25-Oct | Belanjawan 2025: KPDN ada kaedah kesan cubaan naikkan harga barangan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2025-kpdn-ada-kaedah-kesan-cubaan-naikkan-harga-barangan-493327 | ASTRO AWANI |
| 25-Oct | 2025 Budget: KPDN has method to detect price increase attempts by irresponsible parties | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1125032/2025-budget-kpdn-has-method-detect-price-increase-attempts-irresponsible | NEW STRAITS TIMES |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Oct | BELANJAWAN 2025: KPDN ada kaedah kesan cubaan naikkan harga barangan | https://www.buletintv3.my/nasional/belanjawan-2025-kpdn-ada-kaedah-kesan-cubaan-naikkan-harga-barangan/ | BULETIN TV3 |
| 25-Oct | KPDN keluar notis pihak naikkan harga rempah menjelang Deepavali | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1315399/kpdn-keluar-notis-pihak-naikkan-harga-rempah-menjelang-deepavali | BERITA HARIAN |
| 25-Oct | Belanjawan 2025: KPDN ada kaedah kesan cubaan naikkan harga barang | https://www.sinarharian.com.my/article/692946/khas/belanjawan/belanjawan-2025-kpdn-ada-kaedah-kesan-cubaan-naikkan-harga-barang | SINAR HARIAN |
| 25-Oct | KPDN tidak teragak ambil tindakan pihak naik harga termasuk produk bergula | https://selangorkini.my/2024/10/kpdn-tidak-teragak-ambil-tindakan-pihak-naik-harga-termasuk-produk-bergula/ | SELANGOR KINI |
| 25-Oct | Belanjawan 2025: KPDN manfaat peruntukan untuk gerak agenda tangani ketirisan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2025-kpdn-manfaat-peruntukan-untuk-gerak-agenda-tangani-ketirisan-493281 | ASTRO AWANI |
| 25-Oct | BELANJAWAN 2025: KPDN MANFAAT PERUNTUKAN UNTUK GERAK AGENDA TANGANI KETIRISAN | https://www.bernama.com/bm/sukan/news.php?id=2355899 | BERNAMA |
| 25-Oct | KPDN raids premises hoarding cooking oil in Bandar Tropicana Aman | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-raids-premises-hoarding-cooking-oil-in-bandar-tropicana-aman-HK13193325 | THE SUN |
| 25-Oct | Business premises in Selangor found hoarding subsidised cooking oil | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/24/business-premises-in-selangor-found-hoarding-subsidised-cooking-oil | THE STAR |
| 25-Oct | KPDN serbu premis sorok minyak masak di Bandar Tropicana Aman | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1315546/kpdn-serbu-premis-sorok-minyak-masak-di-bandar-tropicana-aman | BERITA HARIAN |
| 25-Oct | Premis sorok minyak masak subsidi, jual kepada pelanggan tertentu diserbu | https://www.sinarharian.com.my/article/692905/berita/semasa/premis-sorok-minyak-masak-subsidi-jual-kepada-pelanggan-tertentu-diserbu | SINAR HARIAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Oct | Premis tular sorok minyak masak diserbu, tiada lesen jual barang kawalan | https://www.kosmo.com.my/2024/10/24/premis-tular-sorok-minyak-masak-diserbu-tiada-lesen-jual-barang-kawalan/#google_vignette | KOSMO |
| 25-Oct | Premis tular sorok minyak masak rupanya tiada lesen sah jual barang kawalan | https://www.buletintv3.my/nasional/premis-tular-sorok-minyak-masak-rupanya-tiada-lesen-sah-jual-barang-kawalan/ | BULETIN TV3 |
| 25-Oct | KPDN serbu premis sorok minyak masak | https://themalaytribune.com/kpdn-serbu-premis-sorok-minyak-masak/ | THE MALAY TRIBUNE |
| 25-Oct | KPDN serbu premis sorok minyak masak | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1148005/kpdn-serbu-premis-sorok-minyak-masak | HARIAN METRO |
| 25-Oct | KPDN SERBU PREMIS SOROK MINYAK MASAK DI BANDAR TROPICANA AMAN | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2355974 | BERNAMA |
| 25-Oct | KPDN Perlis rekod 198 kes penyeludupan barangan kawalan, subsidi sejak Januari | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perlis-rekod-198-kes-penyeludupan-barangan-kawalan-subsidi-sejak-januari-493300 | ASTRO AWANI |
| 25-Oct | KPDN PERLIS REKOD 198 KES PENYELUDUPAN BARANGAN KAWALAN, SUBSIDI SEJAK JANUARI | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2355965 | BERNAMA |
| 25-Oct | KPDN tidak terima aduan masalah bekalan, harga telur di Sandakan | https://www.sinarharian.com.my/article/692943/edisi/sabah-sarawak/kpdn-tidak-terima-aduan-masalah-bekalan-harga-telur-di-sandakan | SINAR HARIAN |
| 25-Oct | KPDN TIDAK TERIMA ADUAN MASALAH BEKALAN, HARGA TELUR DI SANDAKAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2356053 | BERNAMA |
| 25-Oct | KPDN tidak terima aduan masalah bekalan, harga telur di Sandakan | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-tidak-terima-aduan-masalah-bekalan-harga-telur-di-sandakan/ | BULETIN TV3 |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Oct | 80 barangan segar turun harga ketika ringgit men-gukuh: KPDN | https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/24/80-barangan-segar-turun-harga-ketika-ringgit-mengukuh-kpdn | UTUSAN BORNEO |
| 25-Oct | KPDN reports 80 types of fresh produce cheaper as ringgit strengthened | https://theedgemalaysia.com/node/731536 | THE EDGE MALAYSIA |
| 25-Oct | 80 BARANGAN SEGAR TURUN HARGA KETIKA RINGGIT MENGUKUH - KPDN | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2356025 | BERNAMA |
| 25-Oct | 80 barangan segar turun harga ketika ringgit men-gukuh - KPDN | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/80-barangan-segar-turun-harga-ketika-ringgit-mengukuh---kpdn-493290 | ASTRO AWANI |
| 25-Oct | 80 barangan segar turun harga ketika ringgit men-gukuh - KPDN | https://www.sinarharian.com.my/article/692898/berita/nasional/80-barangan-segar-turun-harga-ketika-ringgit-mengukuh---kpdn | SINAR HARIAN |
| 25-Oct | Perluasan SST, rasional-isasi RON95 bantu kerajaan capai sasaran defisit 2025 | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/10/1315521/perluasan-sst-rasionalisasi-ron95-bantu-kerajaan-capai-sasaran | BERITA HARIAN |
| 25-Oct | Kembalikan GST untuk sis-tem cukai lebih mampan, tambah pendapatan negara | https://www.sinarharian.com.my/article/692906/berita/nasional/kembalikan-gst-untuk-sistem-cukai-lebih-mampan-tambah-pendapatan-negara | SINAR HARIAN |
| 25-Oct | Hapus subsidi petrol, beri bantuan tunai - CAP | https://www.sinarharian.com.my/article/692856/khas/belanjawan/hapus-subsidi-petrol-beri-bantuan-tunai---cap | SINAR HARIAN |
| 25-Oct | Sasaran defisit fiskal mam-pu dicapai dengan disiplin, reformasi ekonomi | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/10/1315416/sasaran-defisit-fiskal-mampu-dicapai-dengan-disiplin-reformasi | BERITA HARIAN |
| 25-Oct | KPDN gagalkan cubaan seludup petrol guna kender-aan diubahsuai | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kpdn-gagalkan-cubaan-seludup-petrol-guna-kenderaan-diubahsuai/ | UTUSAN MALAYSIA |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Oct | KPDN semak harga rempah ratus naik menjelang Deepavali | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kpdn-semak-harga-rempah-ratus-naik-menjelang-deepavali/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 25-Oct | Daging kambing biri-biri antara 8 barangan dikawal sempena Deepavali | https://www.kosmo.com.my/2024/10/24/daging-kambing-biri-biri-antara-8-barangan-dikawal-sempena-deepavali/ | KOSMO |
| 25-Oct | KPDN umum lapan jenis barangan SHMMP menjelang Deepavali | https://www.wilayahku.com.my/kpdn-umum-lapan-jenis-barangan-shmmp-menjelang-deepavali/ | WILAYAHKU |
| 25-Oct | Produk vape, rokok elektronik perlu ada kelulusan SIRIM | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1147944/produk-vape-rokok-elektronik-perlu-ada-kelulusan-sirim | HARIAN METRO |
| 25-Oct | KPDN reminds vape retailers to ensure products have SIRIM certification | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-reminds-vape-retailers-to-ensure-products-have-sirim-certification-HK13191042 | THE SUN |
| 25-Oct | KPDN beri peringatan penjual vape dapatkan perakuan SIRIM | https://www.wilayahku.com.my/kpdn-beri-peringatan-penjual-vape-dapatkan-perakuan-sirim/ | WILAYAHKU |
| 25-Oct | Penjual peranti rokok elektronik diingatkan untuk dapatkan perakuan SIRIM | https://utusansarawak.com.my/penjual-peranti-rokok-elektronik-diingatkan-untuk-dapatkan-perakuan-sirim/ | UTUSAN SARAWAK |
| 25-Oct | Penjual peranti rokok elektronik diingatkan untuk dapatkan perakuan SIRIM | https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/24/penjual-peranti-rokok-elektronik-diingatkan-untuk-dapatkan-perakuan-sirim | UTUSAN BORNEO |
| 25-Oct | Peringatan penjual rokok elektronik, peranti wajib dapat perakuan Sirim | https://selangorkini.my/2024/10/peringatan-penjual-rokok-elektronik-peranti-wajib-dapat-perakuan-sirim/ | SELANGOR KINI |
| 25-Oct | 300 litres of RON95 seized from petrol smuggler in Perlis | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/10/1124748/300-litres-ron95-seized-petrol-smuggler-perlis-watch#google_vignette | NEW STRAITS TIMES |
| 25-Oct | Sindiket upah remaja RM100 seludup petrol | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1147936/sindiket-upah-remaja-rm100-seludup-petrol | HARIAN METRO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT